

Habuk kayu tapis air

Penuntut, pensyarah UMP hasilkan pelet buang 96% plumbum

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Harian Metro (lokal) 21/2/20 (Jumaat) m/s. 120 MOHD RAFI MAMAT

Kuantan

Inovasi penapis air minuman dihasilkan penuntut **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** menggunakan habuk kayu jenis resak (*Vatica abduhrahmaniana*) adalah produk pertama dihasilkan di negara ini.

Menurut Amirah Salihah El-Arish, 23, dia mengambil masa setahun melakukan penyelidikan bersama dua rakan, Chi Qi Teong, 23, dan Mahadi Bahari, 23, dibantu pensyarah, Herma Dina Setiabudi bagi menghasilkan produk terbahit.

Katanya, penapis air berbentuk pelet yang melalui dua proses menghasilkan-nya itu mampu menapis hingga 96 peratus plumbum yang wujud dalam air minuman.

"Kos menghasilkan penapis air berkenaan jauh lebih murah berbanding produk sama yang dijual di pasaran. Malah, harganya dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi.



AMIRAH Salihah menunjukkan penapis air yang dihasilkan daripada habuk kayu jenis resak.

"Untuk menggunakan penapis air berkenaan bekas atau tabung khas digunakan disambungkan dengan sistem paip di rumah," katanya

di sini, kelmarin.

Produk penapis air menggunakan habuk kayu resak itu meraih anugerah terbaik kategori pelajar pada Per-

tandingan *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2020* di UMP Gambang di sini, minggu lalu.